

Perubahan pola pengundi Melayu dan kesan terhadap prestasi UMNO pada kerusi Parlimen di Johor, PRU 15

Muhammad Naim Fakhirin Rezani

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Correspondence: Muhammad Naim Fakhirin Rezani (email: naimfakhirin@usm.my)

Received: 9 February 2026; Accepted: 11 March 2026; Published: 21 May 2026

Abstrak

Kajian ini meneliti perubahan pola pengundian masyarakat Melayu dan implikasinya terhadap prestasi UMNO di kerusi Parlimen negeri Johor dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15). Fokus utama kajian ini adalah menganalisis peralihan sokongan pengundi Melayu yang mempengaruhi kedudukan UMNO di Johor, yang sebelum ini dikenali sebagai kubu tradisi parti tersebut. Perubahan pola pengundian tersebut dikaitkan dengan beberapa faktor utama, antaranya krisis kepimpinan dan perpecahan dalaman UMNO, kemunculan parti dan gabungan politik baharu, pengaruh wacana politik identiti dan agama terhadap persepsi pengundi Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menganalisis pola pengundi dan tafsiran terhadap sumber yang dikaji, terutamanya helaian mata (*score sheet*) keputusan pilihan raya kerusi Parlimen di Johor bagi mendapatkan maklumat yang jitu. Selain itu, kajian ini turut menggunakan analisis keputusan pilihan raya bagi meneliti pola sokongan pengundi Melayu serta hubung kaitnya dengan prestasi UMNO bagi kerusi Parlimen di Johor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pola sokongan pengundi Melayu dan kemerosotan kesetiaan politik tradisional menyumbang secara signifikan terhadap prestasi yang tidak konsisten UMNO pada PRU 15 di Johor. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan perubahan pola sokongan pengundi Melayu bukan sahaja mencerminkan transformasi tingkah laku politik masyarakat Melayu, malah menandakan cabaran struktural yang semakin kompleks terhadap kelangsungan dominasi politik UMNO di Johor pada era politik pasca hegemonik.

Kata kunci: Johor, pengundi Melayu, pola pengundi, tingkah laku Politik, UMNO

Changes in Malay voting patterns and their impact on UMNO's performance in Parliamentary seats in Johor during the GE15

Abstract

This study examines the changing voting patterns of the Malay community and its implications for UMNO's performance in the Johor parliamentary seats in the 15th General Election (GE15). The main focus of this study is to analyze the shift in Malay voter support that affected UMNO's position in Johor, which was previously known as the party's traditional stronghold. The change in voting patterns is linked to several key factors, including the leadership crisis and internal divisions in UMNO, the emergence of new political parties and coalitions, and the influence of identity and religious political discourse on Malay voter perceptions. This study uses a

qualitative approach to analyze voting patterns and interpretations of the sources studied, especially the scoresheets of the parliamentary seat election results in Johor to obtain accurate information. In addition, this study also uses an analysis of election results to examine the support patterns of Malay voters and their relationship with UMNO's performance in the parliamentary seats in Johor. The study findings show that the support patterns of Malay voters and the decline in traditional political loyalty contributed significantly to UMNO's inconsistent performance in the 15th GE in Johor. Overall, this study concludes that the changing support patterns of Malay voters not only reflect the transformation of the political behavior of the Malay community, but also indicate an increasingly complex structural challenge to the continuation of UMNO's political dominance in Johor in the post-hegemonic political era.

Keywords: Johore, Malay voters, voting patterns, political behavior, UMNO

Pengenalan

Negeri Johor merupakan sebuah negeri yang bersifat majmuk dari segi komposisi penduduk, dengan masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik. Jumlah penduduk Johor pada 2022 dianggarkan seramai 4.1 juta orang, yang merangkumi 59.8 peratus orang Melayu, 33.8 peratus orang Cina, enam peratus orang India, dan dua peratus daripada kumpulan etnik lain (Laporan Banci, 2022). Dominasi demografi Melayu itu menjadikan kelompok tersebut sebagai aktor utama yang berperanan signifikan dalam menentukan hala tuju dan kedudukan politik negeri Johor. Selari dengan itu, Johor juga mencatatkan jumlah pengundi berdaftar yang tinggi, iaitu seramai 2,616,575 orang, sekali gus menjadikannya negeri kedua tertinggi dari segi jumlah pengundi di Malaysia selepas Selangor yang mempunyai 3,677,848 orang pengundi berdaftar (Laporan Pengundi Baharu, 2022). Komposisi pengundi yang didominasi oleh masyarakat Melayu itu membentuk corak politik yang relatif stabil dan dinamik, khususnya dari segi sokongan terhadap UMNO sebagai parti pemerintah utama. Keadaan tersebut dapat diperhatikan melalui prestasi konsisten UMNO yang tidak pernah mengalami kekalahan dalam pilihan raya umum (PRU) di Johor sejak PRU Pertama pada 1959 sehingga Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU 13).

Namun demikian, senario politik pada dasarnya bersifat dinamik dan sentiasa mengalami perubahan. Titik awal peralihan politik di Johor mula dapat dikesan pada PRU 13, namun perubahan tersebut masih berskala kecil dalam kalangan pengundi Melayu di negeri tersebut. Perubahan itu hanya memberikan kesan yang minimum terhadap kedudukan UMNO di Johor. Pada PRU 13, UMNO gagal mempertahankan kerusi Parlimen Batu Pahat dan tewas di Parlimen Gelang Patah. Di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), parti tersebut turut mengalami kekalahan di DUN Sungai Abong dan Maharani (Laporan Keputusan, 2013). Bagi kerusi Parlimen dan DUN yang lain, prestasi UMNO menunjukkan kemerosotan majoriti berbanding pilihan raya sebelumnya, meskipun masih berjaya mengekalkan kemenangan. Walau bagaimanapun, keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14) memperlihatkan perubahan politik yang jauh lebih ketara kerana Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh UMNO gagal mempertahankan tampuk pemerintahan di peringkat Persekutuan dan di Johor buat pertama kali dalam sejarah politik negeri tersebut (Berita Harian, 11 Mei 2018). Perubahan politik yang berlaku di Johor dalam PRU 14 itu mempunyai signifikan yang jelas dan secara langsung berkait rapat dengan perubahan pola pengundian pengundi Melayu di negeri tersebut.

Situasi tersebut mengubah landskap politik Johor yang sekian lama dianggap sebagai 'kubu kuat UMNO' berikutan dominasi berterusan parti itu di peringkat DUN (Awang Besar, Jaafar & Ahmad, 2021). Kekalahan Barisan Nasional yang diterajui UMNO pada PRU 14 telah meruntuhkan persepsi hegemoni tersebut dan membuka ruang kepada persaingan politik yang

lebih terbuka (Awang Besar, 2019). Dalam konteks ini, PRU 15 menjadi medan penting untuk menilai semula kekuatan politik UMNO di Johor. Walau bagaimanapun, pola pengundian pengundi Melayu menunjukkan perpecahan sokongan antara UMNO, Perikatan Nasional (PN) dan Pakatan Harapan (PH), sekali gus melemahkan keupayaan UMNO untuk mengekalkan dominasi tradisionalnya serta mencerminkan perubahan struktur sokongan politik Melayu di negeri tersebut (Rezani, 2025).

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai perubahan politik Malaysia selepas PRU 14, kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada perubahan di peringkat nasional dan faktor umum seperti isu kepimpinan, gelombang penolakan terhadap Barisan Nasional serta dinamika koalisi parti. Kajian yang meneliti secara khusus perubahan pola pengundian pengundi Melayu di peringkat negeri, khususnya di Johor, masih terhad. Selain itu, analisis yang menghubungkan perubahan pola pengundi Melayu dengan prestasi UMNO pada PRU 15 di kerusi Parlimen di Johor juga masih kurang diberi perhatian. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti perubahan pola pengundi Melayu serta kesannya terhadap prestasi UMNO di kerusi Parlimen di Johor pada PRU 15.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perubahan pola pengundi Melayu pada PRU 15 memberi kesan signifikan terhadap prestasi UMNO di kerusi Parlimen di Johor. Sokongan Melayu tidak lagi tertumpu kepada UMNO, sebaliknya berpecah antara UMNO, PN dan PH (Rezani, 2025). Perubahan tersebut dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti naratif kempen yang bersaing, keberkesanan kempen digital, pemilihan calon yang kurang memenuhi jangkaan pengundi tempatan, serta isu nasional termasuk kestabilan politik dan kos sara hidup. Secara keseluruhannya, situasi mencerminkan peralihan struktur sokongan politik Melayu yang memberi implikasi terhadap keupayaan UMNO mengekalkan dominasi tradisionalnya di Johor.

Kajian literatur

Sungguhpun banyak kajian mengenai pola politik Melayu oleh sarjana terdahulu, namun kajian tersebut tidak memperincikan hubungkait perkara tersebut dengan persaingan politik berdasarkan kerusi Parlimen, lebih-lebih lagi melibatkan politik Malaysia. Antara kajian tersebut adalah Gomez (2025) dan Awang Besar (2024) membincangkan pola sokongan pengundi Melayu itu memberi kelebihan kepada persaingan politik secara umum. Kajian tersebut menyatakan kemenangan yang dicapai oleh UMNO disebabkan oleh sokongan masyarakat Melayu yang diperoleh parti itu. Selain itu, kedua-dua kajian tersebut turut menyatakan sokongan pengundi Melayu yang diperoleh UMNO membolehkan parti itu bertahan dengan lebih lama berbanding pesaingnya, terutamanya PH dan PN di Johor. Walaupun begitu, kedua-dua kajian tersebut tidak memperincikan perubahan pola sokongan pengundi Melayu yang memberi impak terhadap kedudukan UMNO, terutamanya pada kerusi Parlimen di Johor dalam pilihan raya di negeri itu. Justeru, kajian yang akan dilakukan ini berbeza daripada kajian terdahulu kerana memberi tumpuan secara lebih spesifik kepada perubahan pola pengundi Melayu di Johor serta kesannya terhadap prestasi UMNO di kerusi Parlimen pada PRU 15, sekali gus memberikan analisis yang lebih terfokus dan kontekstual terhadap dinamika politik di negeri tersebut.

Kajian oleh Yeoh (2025) membincangkan kepentingan sokongan masyarakat Melayu berdasarkan kepada kekuatan untuk parti yang bersaing dari aspek ekonomi dan pendanaan. Dapatan kajian itu membincangkan faktor yang mempengaruhi kekuatan UMNO dalam persaingan politik adalah sumber kewangan yang kukuh dan membolehkan gabungan itu menaungi politik di Malaysia. Walaupun begitu, kajian tersebut tidak memperincikan kesan yang berlaku terhadap UMNO berdasarkan kepada persaingan di kerusi Parlimen di Johor,

terutamanya dalam aspek persaingan parti yang bertanding. Begitu juga dengan kajian oleh Mohd Sani (2023) membincangkan perubahan politik yang berlaku terhadap UMNO ini secara umum tanpa memperincikan implikasi pola pengundi Melayu terhadap persaingan politik yang berlaku di kerusi Parlimen, terutamanya yang melibatkan konteks negeri Johor. Berbeza dengan kajian tersebut, kajian ini memberi penekanan kepada perubahan pola pengundian pengundi Melayu serta kesannya terhadap prestasi UMNO di kerusi Parlimen di Johor pada PRU 15, dengan meneliti faktor seperti kempen, calon dan isu semasa yang mempengaruhi tingkah laku pengundi.

Walaupun begitu, dapatan kajian oleh Chin (2023) sedikit berbeza berbanding kajian-kajian tersebut kerana membincangkan konsep politik naungan terhadap politik Malaysia dari aspek persaingan politik antara UMNO dan parti pembangkang. Dapatan kajian ini seterusnya menyatakan strategi politik naungan memberi impak terhadap rasuah dan kronisme yang berlaku. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membincangkan strategi politik UMNO bagi menguasai sokongan pengundi Melayu berdasarkan kepada situasi politik yang melibatkan persaingan di kerusi Parlimen semasa pilihan raya diadakan. Berdasarkan kepada kelompongan yang terdapat pada kajian terdahulu, kajian yang akan dilakukan ini akan memperincikan pola perubahan pengundi Melayu dari aspek persaingan politik yang melibatkan UMNO bagi membuktikan kepentingan sokongan pengundi Melayu dalam persaingan politik bagi kelangsungan politik parti itu di Johor.

Pengundi Melayu di Johor

Kajian mengenai pola pengundi Melayu pada PRU 15 mendapat perhatian meluas dalam kalangan sarjana, khususnya dalam usaha memahami peralihan sokongan politik masyarakat Melayu pasca landskap politik baharu negara. Antaranya, kajian oleh Dettman dan Pepinsky (2023) membincangkan dinamika perubahan sokongan terhadap parti-parti politik utama, namun analisis yang dikemukakan tidak memperincikan variasi pola tersebut mengikut konteks negeri, khususnya Johor yang memiliki kedudukan strategik dalam politik nasional. Begitu juga kajian Washida (2023) yang memberi tumpuan terhadap aspek demografi pengundi Melayu secara makro, tanpa membincangkan secara khusus implikasi demografi tersebut dalam kerangka politik Johor. Seterusnya, Kasmani (2024) membincangkan pola pengundi Melayu dengan penekanan terhadap segmen pengundi muda, namun perbincangan yang dikemukakan masih bersifat umum di peringkat nasional dan tidak mengupas realiti politik negeri Johor secara mendalam. Justeru, meskipun kajian terdahulu menyediakan asas konseptual yang penting, namun wujud jurang kajian berkaitan analisis pola pengundi Melayu dalam konteks politik Johor. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan memfokuskan kepada perubahan pola pengundi Melayu di Johor serta kesannya terhadap prestasi UMNO.

Secara tuntasnya, sorotan kajian terdahulu memperlihatkan pola sokongan pengundi Melayu merupakan faktor signifikan dalam menentukan kelangsungan dan dominasi politik UMNO. Dalam konteks politik Johor, kepentingan sokongan pengundi Melayu penting kerana negeri ini menyumbang jumlah kerusi Parlimen yang besar dan strategik dalam pembentukan kerajaan Persekutuan. Justeru, sebarang perubahan, peralihan atau kemerosotan sokongan pengundi Melayu di Johor mencerminkan transformasi yang lebih luas terhadap landskap politik nasional serta kedudukan UMNO sebagai parti teras orang Melayu. Penguasaan atau kehilangan sokongan pengundi Melayu di Johor berupaya menjadi penentu utama sama ada UMNO dapat mengekalkan pengaruh politiknya di peringkat negeri dan Persekutuan. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang analisis dengan meneliti secara empirikal perubahan pola pengundi Melayu pada PRU 15 serta implikasinya terhadap prestasi UMNO di kerusi Parlimen

Johor, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang dinamika politik masyarakat Melayu kontemporari di Johor.

Metodologi kajian

Kajian yang dilakukan berkenaan perubahan pola pengundi Melayu dan kesan terhadap prestasi UMNO untuk kerusi Parlimen di Johor pada PRU 15 menggunakan pendekatan kualitatif dengan memanfaatkan sumber primer seperti dokumen rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), termasuk helaian mata (*score sheet*) keputusan pilihan raya bagi kerusi Parlimen yang ditandingi UMNO serta laporan persempadanan semula kawasan Parlimen. Data daripada laporan persempadanan dan keputusan pilihan raya tersebut dianalisis semula berdasarkan jumlah undi yang diperoleh oleh parti-parti yang bertanding. Dari segi kaedah analisis, kajian ini menggunakan analisis perbandingan keputusan pilihan raya bagi meneliti perubahan prestasi UMNO antara pilihan raya yang berbeza, khususnya antara PRU 14 dan PRU 15. Selain itu, analisis trend undi turut digunakan untuk mengenal pasti pola perubahan sokongan pengundi Melayu serta tahap perpecahan undi antara UMNO, PN dan PH di kerusi Parlimen di Johor. Kaedah itu membolehkan tafsiran yang lebih sistematik terhadap perubahan pola pengundian dan implikasinya terhadap prestasi politik UMNO di negeri tersebut. Selain itu, kajian ini turut menggunakan data sekunder dari buku dan jurnal artikel oleh sarjana terdahulu untuk menjadi rujukan dan kesinambungan terhadap kerangka untuk kajian yang akan dilakukan. Penggunaan media cetak akhbar seperti *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, *The Star* dan *The Edge* turut dilakukan bagi mendapatkan gambaran terhadap situasi politik yang berlaku di Johor, terutamanya yang melibatkan kerusi Parlimen yang ditandingi UMNO semasa dalam tempoh PRU 15 diadakan.

Dapatan dan analisis

Lokaliti pengundi Melayu di Johor

Pengundi Melayu di Johor merupakan kelompok paling signifikan dalam menentukan kedudukan parti yang menerajui kerajaan negeri. Justeru, perubahan pola sokongan pengundi Melayu memberi kesan terhadap kedudukan politik negeri itu. Situasi tersebut berpunca daripada komposisi demografi pengundi Melayu yang membentuk kelompok majoriti iaitu seramai 1,509,300 orang atau 55.9 peratus daripada keseluruhan pengundi berdaftar pada PRU 15. Peratusan itu lebih tinggi berbanding pengundi kaum Cina yang merangkumi 37.4 peratus atau 1,009,800 orang, serta pengundi kaum India yang berjumlah 180,900 orang atau 6.7 peratus (Laporan Banci Johor, 2022). Komposisi tersebut menunjukkan dinamika politik Johor bergantung kepada sokongan pengundi Melayu, sekali gus menjadikan kelompok itu sebagai sasaran utama persaingan antara parti politik. Oleh itu, usaha untuk memahami tingkah laku pengundian serta faktor yang mempengaruhi sokongan pengundi Melayu adalah penting bagi menilai kelangsungan dan strategi parti politik yang bertanding dalam landskap politik Johor yang semakin kompetitif.



Sumber: Data asas Negeri Johor 2023, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor

Rajah 1. Lingkaran kepadatan masyarakat Melayu di Johor mengikut daerah

Petempatan pengundi Melayu di Johor lebih tertumpu di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar. Keadaan tersebut dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi, khususnya jenis pekerjaan dalam kalangan masyarakat Melayu (Rezani, 2025). Sebahagian besar pengundi Melayu terlibat dalam sektor pertanian dan ekonomi tradisional seperti peneroka, nelayan dan pesawah, yang mendorong pola petempatan mereka ke kawasan luar bandar. Sebaliknya, kawasan bandar di Johor didominasi oleh pengundi kaum Cina yang majoritinya mempunyai latar belakang pekerjaan dalam sektor perniagaan (Awang Besar, 2019). Berdasarkan Rajah 1, taburan populasi masyarakat Melayu di Johor menunjukkan kepadatan yang lebih tinggi di daerah luar bandar dan separa luar bandar seperti Tangkak (Ledang), Batu Pahat, Kulai, Pontian, Mersing dan Kota Tinggi. Walaupun Johor Bahru dikategorikan sebagai kawasan bandar, daerah tersebut masih menampilkan kehadiran populasi Melayu yang signifikan di kawasan pinggir bandar dan perkampungan tradisional. Pola petempatan tersebut penting kerana mempunyai implikasi langsung terhadap strategi kempen, isu yang diketengahkan serta corak sokongan pengundi dalam pilihan raya di Johor.

Taburan masyarakat Melayu di Johor menunjukkan variasi yang ketara mengikut daerah. Daerah Johor Bahru mencatatkan jumlah masyarakat Melayu tertinggi, iaitu dianggarkan seramai 1.3 juta orang. Jumlah ini diikuti oleh daerah Batu Pahat, iaitu 231,471 orang. Daerah Kota Tinggi mencatatkan seramai 217,662 orang masyarakat Melayu dan daerah Kulai mempunyai seramai 131,812 orang. Daerah Pontian mencatatkan 119,716 orang dan daerah Mersing merekodkan seramai 73,419 orang, diikuti oleh daerah Tangkak dengan jumlah terendah, iaitu 67,426 orang (Data Asas Negeri Johor, 2023). Walaupun beberapa daerah seperti Johor Bahru diklasifikasikan sebagai kawasan bandar, majoriti masyarakat Melayu di daerah tersebut didapati menetap di kawasan pinggir bandar dan sub-bandar seperti Sungai Tiram, Tanjung Kupang dan Jelutong. Berdasarkan taburan tersebut, dapat dirumuskan bahawa kepadatan masyarakat Melayu di Johor lebih tertumpu di kawasan sub-bandar dan luar bandar berbanding kawasan bandar utama. Pola petempatan itu secara jelas menggambarkan pengundi Melayu di Johor lebih ramai berada di kawasan luar bandar, sekali gus mempunyai implikasi penting terhadap strategi politik dan corak sokongan dalam pilihan raya negeri (Jamiludin & Awang Besar, 2021).

Selain itu, lokaliti pengundi Melayu berdasarkan pola petempatan turut mempengaruhi taburan etnik tersebut mengikut kawasan Parlimen di Johor. Secara keseluruhannya, Johor mempunyai 26 kerusi Parlimen hasil persempadanan kawasan pilihan raya yang dilaksanakan

pada 2003. Walaupun persempadanan semula kawasan pilihan raya dilakukan pada 2018, namun proses hanya melibatkan penyusunan semula Pusat Daerah Mengundi (PDM) dalam beberapa kawasan Parlimen tertentu. Antara Parlimen yang terlibat dalam persempadanan tersebut ialah Muar, Pulai dan Simpang Renggam (Laporan Persempadanan, 2018). Dengan jumlah 26 kerusi Parlimen, Johor merupakan negeri kedua tertinggi dari segi bilangan kerusi Parlimen di Malaysia selepas Sarawak yang mempunyai 31 kerusi. Kedudukan tersebut menjadikan Johor sebuah negeri yang signifikan dalam menentukan pembentukan kerajaan Persekutuan. Justeru, penguasaan politik di Johor sering sebagai ‘prasyarat penting’ bagi gabungan parti yang berhasrat menubuhkan kerajaan di peringkat nasional.

Berdasarkan kepada Rajah 1, kedudukan geografi tersebut memberi implikasi penting terhadap pola pengundian di Johor. Kawasan luar bandar yang mempunyai kepadatan pengundi Melayu yang tinggi lazimnya cenderung menyokong parti yang menekankan isu identiti Melayu dan kestabilan politik tradisional, manakala kawasan bandar yang lebih majmuk menunjukkan pola pengundian yang lebih kompetitif. Dalam konteks PRU 15, situasi itu menjelaskan variasi sokongan terhadap UMNO, apabila kawasan Melayu luar bandar memperlihatkan persaingan sengit dengan PN, sementara kawasan bandar menunjukkan sokongan yang lebih pelbagai termasuk kepada PH.

Kepentingan strategik politik Johor itu turut ditegaskan oleh pemimpin utama parti politik yang bersaing. Pengerusi Pakatan Harapan, Datuk Seri Anwar Ibrahim (2020–kini), semasa kempen PRU15, menegaskan usaha membentuk kerajaan Persekutuan perlu dimulakan dengan memperkukuh kedudukan gabungan tersebut terhadap politik Johor (Berita Harian, 10 November 2022). Pandangan yang sama turut dizahirkan oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (2018-Kini), yang menekankan keperluan UMNO untuk bekerja keras bagi memastikan Johor kembali berperanan sebagai kubu politik parti tersebut (Berita Harian, 10 November 2022). Sejajar dengan kenyataan pemimpin daripada kedua-dua gabungan utama itu, jelas bahawa penguasaan politik Johor merupakan faktor penentu terhadap persaingan pembentukan kerajaan Persekutuan.

Jadual 1. Demografi pengundi kerusi Parlimen di Johor, PRU 15

Parlimen	Jumlah pengundi mengikut kaum (%)			
	Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	Lain-Lain (%)
P140 Segamat	47.7	42.7	9.2	0.4
P141 Sekijang	59	36.7	4	0.3
P142 Labis	39.2	43.9	15.1	1.7
P143 Pagoh	67	29.3	3.4	0.3
P144 Ledang	56.2	38.6	4.8	0.4
P145 Bakri	46	51.6	2.1	0.3
P146 Muar	67.2	32.3	0.3	0.3
P147 Parit Sulong	81.3	18.2	0.4	0.2
P148 Ayer Hitam	58.7	37.1	4	0.1
P149 Sri Gading	64.7	33.9	1.3	0.2
P150 Batu Pahat	53.6	44.8	1.3	0.3
P151 Simpang Renggam	62.8	28.8	8.1	0.3
P152 Kluang	42.7	46.3	10.1	0.9
P153 Sembrong	62.3	28	8.5	1.1
P154 Mersing	83	13.9	1.3	1.9
P155 Tenggara	75.5	16.4	6.6	1.5
P156 Kota Tinggi	90.1	8	1.6	0.3

P157 Pengerang	90.8	8.2	0.6	0.4
P158 Tebrau	45	36.9	11.3	4.8
P159 Pasir Gudang	46.2	36.1	10.2	7.5
P160 Johor Bahru	54.3	39.3	5.6	0.7
P161 Pulai	44.5	40.2	12.2	3.1
P162 Iskandar Puteri	36.3	47.2	14.1	2.4
P163 Kulai	49	37.1	11.6	2.3
P164 Pontian	70.7	28.1	1	0.2
P165 Tanjong Piai	58.6	40.2	1	0.3

Sumber: Laporan Pilihan Raya Umum 2022, Bahagian Parlimen Keputusan Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2022

Walau bagaimanapun, jumlah pengundi Melayu bagi setiap kerusi Parlimen di Johor berbeza, terutamanya di kawasan bandar dan luar bandar (Awang Besar, 2020). Jadual 1 memaparkan jumlah serta peratusan pengundi Melayu mengikut setiap kerusi Parlimen di Johor pada PRU 15. Berdasarkan kepada Jadual 1, sebanyak 12 kerusi Parlimen di Johor ditakrifkan sebagai 'kerusi selamat', iaitu kerusi majoriti pengundi Melayu. Kerusi itu adalah Parlimen Ledang, Muar, Parit Sulong, Sri Gading, Batu Pahat, Simpang Renggam, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi dan Pengerang. Sebaliknya, beberapa kerusi Parlimen lain seperti Iskandar Puteri, Kulai dan Bakri dikategorikan sebagai kerusi majoriti pengundi Cina, manakala Parlimen Labis, Tanjong Piai dan Pulai, diklasifikasikan sebagai kerusi campuran. Pengelasan kerusi Parlimen berdasarkan komposisi etnik itu memperlihatkan kepelbagaian demografi pengundi di Johor dan menegaskan peranan penting faktor geografi dalam membentuk landskap politik negeri (Ahmad, Awang Besar & Mat Jali, 2024).

Berdasarkan taburan lokaliti tersebut, jumlah kerusi Parlimen majoriti pengundi Melayu di Johor membuktikan pengundi Melayu memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan pembentukan kerajaan. Jumlah kerusi yang signifikan tersebut secara tidak langsung menunjukkan setiap parti yang berhasrat membentuk kerajaan Persekutuan perlu menguasai pengundi Melayu di Johor secara menyeluruh (Saleh et al., 2020). Penguasaan tersebut bukan sahaja memperkukuh kedudukan di peringkat negeri, malah memastikan kerajaan Persekutuan yang dibentuk mempunyai wakil ahli Parlimen yang mencukupi untuk menyokong kestabilan politik negara. UMNO menguasai pengundi Melayu di Johor sejak penglibatan parti itu dalam Pilihan Raya Umum pertama pada 1955. Perkara tersebut menyebabkan UMNO menjadikan Johor sebagai 'kubu' parti itu dengan menguasai sokongan pengundi Melayu di negeri tersebut (Rezani, Abdul Rahman & Hanafi, 2019). Melalui penguasaan itu, UMNO berjaya mengekalkan kedudukan kukuh sebagai peneraju kerajaan persekutuan Malaysia selama beberapa dekad. Namun, kegagalan UMNO untuk mengekalkan dominasi pengundi Melayu di Johor pada Pilihan Raya Umum ke-14, 2018 (PRU 14) menyaksikan parti tersebut gagal membentuk kerajaan persekutuan buat pertama kalinya sejak merdeka, sekali gus menandakan perubahan signifikan dalam landskap politik negara.

Secara keseluruhannya, kerusi Parlimen majoriti pengundi Melayu di Johor menjadi 'kubu kuat' UMNO sejak PRU 1955. Namun begitu, PRU 13 dan PRU 14 memperlihatkan kedudukan UMNO di Johor semakin terancam ekoran persaingan politik yang berterusan dari pesaing seperti PKR dan BERSATU. Pada PRU 15, persaingan politik di kerusi Parlimen majoriti pengundi Melayu di Johor bukan sahaja melibatkan antara UMNO dan PKR sebagai parti berteraskan Melayu, tetapi turut menyaksikan kemunculan BERSATU sebagai pesaing utama dan diperkuatkan lagi dengan pengaruh tokoh politik Johor yang penting seperti Tan Sri Muhyiddin Yassin. Di samping itu, kerusi majoriti pengundi Melayu di kawasan bandar pula, UMNO menghadapi cabaran pelbagai etnik yang lebih kompleks, terutamanya persaingan dari parti campuran seperti PKR. Dinamika tersebut mencerminkan perubahan landskap politik di

Johor yang semakin kompetitif, sekaligus menuntut strategi yang lebih berkesan bagi mengekalkan sokongan pengundi Melayu.

Implikasi perubahan pola pengundi Melayu terhadap prestasi UMNO di kerusi Parlimen di Johor PRU 15

Pada PRU 15, UMNO bertanding sebanyak 17 kerusi Parlimen di Johor, iaitu Sekijang, Pagoh, Ledang, Muar, Parit Sulong, Sri Gading, Batu Pahat, Simpang Renggam, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi, Pengerang, Pasir Gudang, Johor Bahru, Pulai dan Pontian (Laporan PRU, 2022). Jumlah ini merupakan tertinggi yang ditandingi oleh UMNO. Di Selangor, UMNO hanya bertanding di 11 kerusi Parlimen, di Perak sebanyak 13 kerusi dan di Pahang pula sebanyak 11 kerusi Parlimen (Laporan PRU, 2022). Kedudukan UMNO yang bertanding secara meluas di Johor membuktikan negeri tersebut merupakan ‘pengkalan’ kekuatan sokongan utama parti tersebut dalam usaha menubuhkan kerajaan Persekutuan. Johor secara tradisinya menjadi ‘tiang seri’ kepada UMNO terhadap politik Malaysia. Justeru, UMNO berusaha keras untuk mempertahankan kedudukannya di Johor bukan sahaja sebagai strategi bagi membentuk kerajaan Persekutuan, malah sebagai langkah penting demi kelangsungan dan pengukuhan pengaruh parti tersebut (Rezani, Abdul Rahman & Hanafi, 2019).

Walaupun begitu, kebergantungan UMNO terhadap sokongan pengundi Melayu menjadikan parti itu turut bergantung terhadap perubahan sikap dan corak tingkah laku politik pengundi Melayu. Dalam konteks politik Johor, pengundi Melayu bukan sahaja merupakan komponen demografi yang signifikan, malah berfungsi sebagai teras utama kepada kelangsungan dominasi politik UMNO sejak sekian lama. Oleh itu, UMNO perlu menyesuaikan strategi politik serta pendekatan kepimpinan bagi memastikan kepentingan dan aspirasi pengundi Melayu terus terpelihara (Rezani, Abdul Rahman & Hanafi, 2019). Sebarang perubahan dalam pola sokongan pengundi Melayu sama ada disebabkan faktor sosioekonomi, atau persepsi memberi implikasi langsung terhadap kedudukan politik UMNO di Johor (Ahmad, Awang Besar & Mat Jali, 2024). Kegagalan untuk memahami dan menangani perubahan tersebut membuka ruang kepada parti pesaing untuk menembusi kubu politik yang sebelum ini dianggap selamat, sekali gus mencabar kelangsungan pengaruh UMNO dalam landskap politik Johor.

Oleh demikian, perubahan yang berlaku terhadap pola pengundi Melayu menyebabkan prestasi UMNO tidak memberangsangkan seperti yang dicapai pada PRU terdahulu. Keputusan PRU 15 menunjukkan kemerosotan prestasi UMNO di Johor apabila parti tersebut hanya memenangi tujuh kerusi Parlimen, iaitu Parit Sulong, Simpang Renggam, Sembrong, Tenggara, Kota Tinggi dan Pontian. Dari segi jumlah, kerusi Parlimen yang dimenangi UMNO pada PRU 15 adalah statik dan kekal sama seperti PRU 14, namun dari sudut politik Johor, terdapat perubahan signifikan dalam taburan kerusi yang dimenangi. Misalnya, pada PRU 14 UMNO berjaya mengekalkan kemenangan di Parlimen Mersing, namun tewas di kerusi tersebut pada PRU 15. Sebaliknya, UMNO berjaya merampas semula kerusi Parlimen Simpang Renggam daripada PH pada PRU 15 (Laporan PRU, 2022). Perubahan itu mencerminkan sifat sokongan pengundi Melayu yang semakin dinamik dan tidak lagi terikat secara konsisten kepada parti dominan, sekali gus menandakan cabaran berterusan yang dihadapi UMNO dalam mengekalkan pengaruh politiknya di Johor (Ahmad, Awang Besar & Mat Jali, 2024).

Daripada keseluruhan kerusi Parlimen yang dimenangi oleh UMNO pada PRU 15 di Johor, hanya empat kerusi sahaja yang dikategorikan sebagai kemenangan dengan majoriti yang selesa, iaitu melebihi 5,000 undi. Kerusi tersebut ialah Parlimen Sembrong, Kota Tinggi, Pengerang dan Pontian (Laporan PRU, 2022). Di Parlimen Sembrong, UMNO mencatatkan kemenangan dengan majoriti tertinggi iaitu 10,880 undi, diikuti Parlimen Kota Tinggi dengan majoriti 8,390 undi. Keputusan di Parlimen Pontian menunjukkan UMNO menang dengan

majoriti 5,758 undi, manakala di Parlimen Pengerang, kemenangan dicapai dengan majoriti 5,030 undi (Laporan PRU, 2022). Corak kemenangan itu menunjukkan kekuatan UMNO di Johor pada PRU 15 tertumpu kepada kerusi tertentu sahaja, manakala selebihnya dimenangi dengan majoriti yang tipis, sekali gus mencerminkan sokongan pengundi Melayu terhadap parti itu semakin terhakis.

Tiga daripada kerusi Parlimen yang dimenangi oleh UMNO dengan majoriti yang selesa pada PRU 15 merupakan kawasan yang mempunyai penempatan FELDA yang banyak. Oleh itu, faktor utama yang membolehkan UMNO mencatatkan kemenangan selesa di tiga kerusi Parlimen tersebut ialah sokongan berterusan daripada peneroka FELDA. Berdasarkan kepada pola pengundi pada PRU sebelum ini, peneroka FELDA memainkan peranan sebagai 'deposit tetap sokongan UMNO' di Johor sejak era awal pascakemerdekaan, malah menjadi penyumbang utama kepada kemenangan parti tersebut sejak PRU pertama (Rezani, Abdul Rahman & Hanafi, 2019). Kekuatan sokongan itu dapat diperhatikan di Parlimen yang mempunyai komposisi peneroka FELDA yang dominan. Di Parlimen Pengerang, terdapat 12 kawasan FELDA yang merangkumi seramai 50,227 orang pengundi Melayu, iaitu 90.8 peratus daripada keseluruhan pengundi. Sementara itu, Parlimen Kota Tinggi mempunyai sembilan kawasan FELDA dengan jumlah pengundi Melayu seramai 55,223 orang, bersamaan 90.1 peratus. Di Parlimen Sembrong pula, terdapat lima kawasan FELDA yang melibatkan 34,254 orang pengundi Melayu, iaitu 60.2 peratus daripada keseluruhan pengundi. Kedudukan demografi tersebut memperkukuh kedudukan UMNO di Parlimen itu (Laporan PRU, 2022). Sebaliknya, daripada empat kerusi Parlimen yang dimenangi dengan majoriti selesa, hanya Parlimen Pontian tidak mempunyai penempatan FELDA dan kemenangan UMNO di kerusi ini lebih dipengaruhi oleh faktor kepimpinan tempatan serta kesetiaan pengundi terhadap parti (Ahmad, Awang Besar & Mat Jali, 2024). Keputusan tersebut membuktikan sokongan peneroka FELDA memainkan peranan strategik dalam menentukan prestasi UMNO di Johor, walaupun kekuatan pengaruh tersebut semakin berbeza mengikut konteks kawasan (Rezani, Abdul Rahman & Hanafi, 2019).

Situasi itu secara tidak langsung memperlihatkan kawasan FELDA berperanan penting membantu UMNO memenangi kerusi Parlimen tertentu dengan majoriti yang selesa. Namun begitu, PRU 14 memperlihatkan berlaku perubahan ketara dalam corak sokongan peneroka FELDA terhadap UMNO. Perubahan tersebut menjadi semakin jelas pada PRU 15. Faktor utama yang menyumbang kepada kemerosotan undi UMNO di kawasan itu ialah peralihan sokongan peneroka FELDA, yang sebelum ini dianggap sebagai penyokong teras UMNO (Saleh et al., 2020). Dakwaan yang dibangkitkan oleh parti pesaing seperti Bersatu dan PKR, khususnya berkaitan penyelewengan dana peneroka serta kegagalan pentadbiran UMNO menunaikan janji pemberian geran tanah kekal, menjejaskan kepercayaan peneroka terhadap UMNO, sekali gus mendorong mereka menyokong pihak lawan (Saleh et al., 2020). Keadaan itu dapat dilihat dengan jelas di Parlimen Mersing, yang dimenangi oleh calon Bersatu, Muhammad Islahuddin dengan majoriti tipis iaitu 2,337 undi, manakala calon UMNO, Abdul Latif Bandi, hanya memperoleh 18,729 undi (Laporan PRU, 2022). Kempen Bersatu di kerusi itu banyak digerakkan melalui naratif kegagalan UMNO memberikan geran tanah kepada peneroka. Oleh itu, kegagalan UMNO mengekalkan sokongan peneroka FELDA menyebabkan parti tersebut gagal mempertahankan kemenangan di Parlimen Mersing, sekali gus menamatkan penguasaan UMNO di kerusi itu sejak 1984 (Utusan Malaysia, 10 November 2022).

Walau bagaimanapun, situasi yang berbeza dapat diperhatikan di kerusi Parlimen yang tidak mempunyai penempatan FELDA serta di kerusi Parlimen kawasan bandar. Bagi kerusi tersebut, prestasi UMNO merosot kerana parti itu hanya mampu mencatatkan kemenangan dengan majoriti yang tipis. Antara kerusi Parlimen tersebut ialah Parit Sulong, Tenggara dan Simpang Renggam, yang kesemuanya dimenangi UMNO pada PRU-15 dengan margin

kemenangan yang tipis. Di Parlimen Parit Sulong, UMNO hanya mencatatkan kemenangan dengan majoriti 2,021 undi. Sementara itu, di Parlimen Simpang Renggam, walaupun UMNO berjaya merampas semula kerusi tersebut daripada Bersatu, kemenangan yang diperoleh adalah amat tipis, iaitu sekadar 1,821 undi. Keputusan di Parlimen Tenggara pula menunjukkan UMNO menang dengan majoriti 2,991 undi (Laporan PRU, 2022). Corak kemenangan tersebut mencerminkan kelemahan sokongan UMNO di kawasan bukan FELDA dan kawasan yang lebih urban, sekali gus menunjukkan bahawa tanpa sokongan kukuh daripada peneroka FELDA, keupayaan UMNO untuk mengekalkan dominasi di Johor menjadi semakin terhad dan terdedah kepada persaingan sengit daripada parti lawan.

Bagi kerusi Parlimen yang terletak di kawasan bandar atau bersifat urban seperti Pulai, Johor Bahru dan Batu Pahat, prestasi UMNO menunjukkan kemerosotan yang amat ketara apabila parti tersebut gagal memenangi kerusi berkenaan pada PRU 15. Kekalahan UMNO di kerusi Parlimen itu bukan bersifat marginal, sebaliknya merupakan kekalahan menyeluruh yang dapat diperhatikan melalui jurang majoriti undi yang besar di setiap kerusi. Kekalahan paling signifikan dialami oleh UMNO di Parlimen Pulai apabila parti tersebut tewas dengan majoriti 33,174 undi, diikuti Parlimen Pasir Gudang dengan majoriti kekalahan sebanyak 31,558 undi. Seterusnya, di Parlimen Johor Bahru, UMNO kalah dengan majoriti 16,041 undi, manakala di Parlimen Batu Pahat, kekalahan direkodkan dengan majoriti 15,972 undi (Laporan PRU, 2022). Pola kekalahan dengan margin yang besar itu jelas mencerminkan penolakan pengundi terhadap UMNO di kawasan bandar, sekali gus menandakan berlakunya jurang sokongan yang semakin meluas antara UMNO dan pengundi urban di Johor.

Selain itu, calon UMNO turut tewas dengan majoriti yang besar bagi kerusi Parlimen yang melibatkan saingan tokoh yang berpengaruh. Antara kerusi tersebut adalah Parlimen Pagoh. Keputusan PRU 15 di Parlimen itu memperlihatkan UMNO tewas dengan majoriti yang besar iaitu 10,007 undi kepada bekas Perdana Menteri dari Bersatu iaitu Muhyiddin Yassin (Laporan PRU, 2022). Ketokohan beliau menyebabkan UMNO gagal memberi saingan yang sengit di Parlimen tersebut. Keputusan PRU 15 di Johor turut memperlihatkan UMNO gagal memanfaatkan kekuatan parti itu di Johor apabila tewas dengan majoriti yang besar di kerusi yang dikategorikan selamat bagi parti itu seperti Parlimen Ledang, Sri Gading dan Mersing. Keputusan di Parlimen Ledang memperlihatkan UMNO kalah dengan majoriti 9,769 undi, manakala di Parlimen Sri Gading, UMNO kalah dengan majoriti 4,000 undi dan di Parlimen Mersing, UMNO kalah dengan majoriti 2,337 undi (Laporan PRU, 2022). Begitu juga dengan keputusan di Parlimen Sekijang, UMNO tewas dengan majoriti 1,734 undi, manakala di Parlimen Muar, UMNO kalah dengan majoriti 1,345 undi (Laporan PRU, 2022). Kekalahan UMNO pada kerusi yang ditakrifkan sebagai 'kawasan selamat' untuk parti tersebut secara tidak langsung memperlihatkan berlakunya perubahan dalam kalangan pengundi Melayu di Johor, sekali gus memberi kesan terhadap prestasi UMNO.

Keputusan yang diperoleh UMNO di kerusi Parlimen yang ditandingi oleh parti tersebut di Johor membuktikan berlakunya perubahan signifikan terhadap pola pengundian dalam kalangan pengundi Melayu di negeri itu. Pengundi Melayu tidak lagi terikat dengan stigma tradisional 'politik Johor, politik UMNO', sebaliknya menunjukkan kecenderungan untuk menilai parti dan calon berdasarkan pertimbangan yang lebih dinamik serta kontekstual (Rezani, Abdul Rahman & Hanafi, 2019). Perubahan ini tidak terhad kepada satu atau dua kerusi Parlimen tertentu, malah melibatkan keseluruhan landskap pengundi Melayu di Johor. Walaupun masih terdapat beberapa kerusi Parlimen yang dimenangi oleh UMNO pada PRU 15, kemenangan tersebut kebanyakannya dicapai tanpa majoriti yang selesa seperti yang dinikmati parti itu dalam pilihan raya umum terdahulu.

Situasi ini dapat dilihat dengan jelas melalui keputusan di Parlimen Mersing, yang secara tradisinya dianggap sebagai 'kerusi selamat UMNO'. Parlimen itu mempunyai 12 kawasan FELDA, iaitu jumlah penempatan peneroka FELDA tertinggi bagi sebuah kerusi

Parlimen di Johor. Pada PRU 11 (2004), UMNO mencatatkan kemenangan dengan majoriti 14,573 undi, manakala pada PRU 12 (2008), parti tersebut berjaya mempertahankan kerusi ini dengan majoriti 13,736 undi (Helaian Mata, P.154 Parlimen Mersing, 2018). Namun demikian, keputusan PRU 14 memperlihatkan kecenderungan sokongan pengundi Melayu terhadap UMNO mula menunjukkan kemerosotan. Kemerosotan itu menjadi lebih ketara pada PRU 15, apabila UMNO mengalami kekalahan mengejut di kerusi Parlimen yang sebelum ini dianggap sebagai ‘kubu kuat’ dan ‘deposit tetap’, termasuk Parlimen Mersing. Justeru, situasi tersebut membuktikan berlakunya perubahan sokongan pengundi Melayu di Johor, sekali gus memberi impak besar terhadap kedudukan politik UMNO di negeri tersebut.

Jadual 2 memaparkan corak peralihan undi (*swing*) yang signifikan terhadap UMNO di semua kerusi Parlimen yang ditandingi di Johor bagi tempoh PRU 13 hingga PRU 15. Peratus *swing* dikira dengan membandingkan peratus undi yang diperolehi oleh sesuatu parti dalam pilihan raya semasa dengan peratus undi yang diperolehi dalam pilihan raya sebelumnya. Formula asas pengiraannya ialah peratus undi dalam pilihan raya semasa ditolak dengan peratus undi dalam pilihan raya sebelumnya. Secara keseluruhan, jadual itu membuktikan berlakunya kemerosotan sokongan yang konsisten dan bersifat struktural, khususnya dalam kalangan pengundi Melayu, apabila peratus undi UMNO menunjukkan kecenderungan penurunan di hampir kesemua kerusi Parlimen.

Jadual 2. Peratus undi beralih (*Swing*) setiap kerusi Parlimen yang ditandingi UMNO di Johor, PRU 13-PRU 15

Bahagian pilihan raya	Undi UMNO PRU 13	Undi UMNO PRU 14	Undi UMNO PRU 15	Peratus undi beralih (<i>Swing</i>)
P141 Sekijang	19,934 (54.08)	18,278 (48.31)	17,207 (35.67)	18.4
P143 Pagoh	26,274 (66.17)	16,631 (38.97)	14,426 (26.52)	39.7
P144 Ledang	30,619 (51.66)	26,040 (39.80)	23,881 (29.74)	21.9
P146 Muar	20,867 (52.05)	15,388 (36.57)	14,581 (27.43)	24.6
P147 Parit Sulong	30,258 (62.05)	24,481 (49.19)	25,740 (40.89)	21.2
P149 Sri Gading	22,453 (57.36)	22,453 (57.36)	19,242 (30.90)	26.5
P50 Batu Pahat	37,039 (48.99)	28,035 (34.13)	24,309 (24.43)	24.4
P151 Simpang Renggam	19,754 (58.44)	14,682 (40.99)	18,312 (41.19)	17.3
P153 Sembrong	22,841 (65.17)	21,353 (59.24)	22,572 (55.15)	10.1
P154 Mersing	26,184 (71.50)	19,806 (53.00)	18,729 (39.93)	31.6
P155 Tenggara	25,698 (75.14)	20,142 (54.39)	21,185 (41.26)	33.8
P156 Kota Tinggi	26,407 (69.14)	30,373 (83.97)	25,410 (53.68)	15.5

P157 Pengerang	26,992 (83.64)	21,829 (67.71)	21,758 (51.98)	31.6
P159 Pasir Gudang	43,834 (50.54)	36,889 (35.13)	37,369 (25.03)	25.5
P160 Johor Bahru	44,509 (56.68)	30,270 (37.69)	27,211 (28.83)	27.8
P161 Pulai	43,751 (51.91)	26,523 (30.52)	31,726 (27.05)	24.8
P164 Pontian	27,804 (66.39)	21,132 (46.21)	23,201 (40.81)	25.6

Sumber: Laporan Pilihan Raya Umum 2022, Bahagian Parlimen Keputusan Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2022

Dari sudut peralihan sokongan undi, beberapa kerusi mencatatkan *swing* yang sangat besar, sekali gus menandakan perubahan sikap pengundi yang drastik. Parlimen Pagoh mencatatkan peratus *swing* tertinggi sebanyak 39.7 peratus, diikuti Parlimen Tenggara, 33.8 peratus, Mersing dan Pengerang, 31.6 peratus. Kesemua kerusi tersebut merupakan 'kubu UMNO' dengan peratus sokongan melebihi 65 peratus pada PRU 13, namun sokongan tersebut merosot secara mendadak pada PRU 15. Fenomena tersebut mencerminkan kegagalan UMNO mengekalkan kesetiaan pengundi terasnya, termasuk di kawasan luar bandar dan FELDA yang secara tradisinya menjadi 'deposit tetap' parti itu.

Di kawasan bandar dan separa bandar seperti Johor Bahru, Pulai, Pasir Gudang, Batu Pahat dan Muar, peratus *swing* juga berada pada tahap tinggi, iaitu antara 24 hingga 28 peratus. Walaupun penurunan sokongan UMNO di Parlimen tersebut bermula sejak PRU 13, keputusan PRU 15 menunjukkan proses penolakan pengundi Melayu di kawasan urban terhadap UMNO semakin mengukuh. Peratus undi UMNO di kerusi Parlimen tersebut jatuh ke bawah paras 30 peratus, sekali gus menjelaskan kekalahan besar UMNO di kawasan bandar yang bersifat lebih kompetitif (Ahmad, Awang Besar & Mat Jali, 2024). Sebaliknya, hanya beberapa kerusi seperti Parlimen Sembrong yang mencatatkan *swing* sebanyak 10.1 peratus dan Kota Tinggi, 15.5 peratus lebih rendah berbanding kerusi lain. Namun begitu, peralihan undi di kerusi Parlimen tersebut lebih terkawal melalui kecenderungan penurunan sokongan berterusan. Situasi itu menunjukkan kemenangan UMNO di kerusi Parlimen tersebut pada PRU 15 tidak lagi bertunjangan dominasi mutlak, sebaliknya bergantung kepada faktor kelebihan demografi. Oleh demikian, peratus *swing* yang tinggi dan meluas merentas semua jenis lokaliti sama ada bandar, luar bandar mahupun kawasan FELDA membuktikan perubahan pola pengundian pengundi Melayu fenomena menyeluruh (Muhammad Naim Fakhirin & etc, 2019). Keputusan tersebut sekali gus mencabar naratif 'politik Johor, politik UMNO' dan menandakan berakhirnya dominasi pola pengundi UMNO yang berasaskan kesetiaan tradisional pengundi Melayu di negeri tersebut.

Kesimpulan

Kesimpulannya, perubahan pola pengundi Melayu di Johor pada PRU 15 memberi impak yang signifikan terhadap prestasi UMNO, terutamanya di kerusi Parlimen. Sokongan tradisional yang selama ini menjadi asas kekuatan UMNO, khususnya daripada peneroka FELDA dan pengundi luar bandar, menunjukkan kemerosotan yang ketara, manakala pengundi di kawasan bandar pula semakin menjauhkan diri daripada parti tersebut. Analisis peratus *swing* membuktikan kemerosotan sokongan UMNO berlaku secara menyeluruh merentas pelbagai jenis lokaliti melalui peralihan undi yang tinggi hampir pada semua kerusi Parlimen yang

ditandingi oleh parti itu di Johor. Situasi itu membuktikan perubahan dinamik pengundi Melayu yang tidak lagi setia secara tradisional dan lebih kritikal terhadap prestasi parti serta isu semasa. Justeru, pemahaman mendalam terhadap dinamik perubahan pengundi Melayu merupakan kunci untuk merangka strategi politik yang lebih efektif dalam menghadapi cabaran masa depan di Johor. Justeru, kelangsungan pengaruh politik UMNO di Johor pada masa hadapan bergantung kepada keupayaan parti tersebut menyesuaikan strategi politik, memperkukuh kepimpinan serta memahami aspirasi baharu pengundi Melayu dalam landskap politik yang semakin kompetitif.

Rujukan

- Ahmad, M., Awang Besar, J., & Mat Jali, M. F. (2024). Tsunami Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia: Kebangkitan Pakatan Harapan dan kemunculan politik baharu. *Akademika*, 94(3), 204-223.
- Awang Besar, J. (2019) Perubahan politik dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.
- Awang Besar, J. (2020). PRU-14 dan pasca PRU-14: Analisis politik di Negeri Johor Darul Takzim. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(5), 81-98.
- Awang Besar, J. (2024) Pengekalan status quo BN dalam PRK DUN Mahkota, Johor. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(4), 642-651.
- Awang Besar, J., Jaafar, M., & Ahmad, M. (2021) Politik pilihan raya dalam PRU-14 dan pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 206-220.
- Chin, J. (2023). Anwar's long walk to power: The 2022 Malaysian general elections. *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs and Policy Studies*, 112(1), 1-13.
- Dettman, S. C., & Pepinsky, T. B. (2024). Demographic structure and voting behaviour during democratization: Evidence from Malaysia's 2022 election. *Democratization*, 31(1), 1–22.
- Gomez, E. T. (2025). *Misgovernance: Grand Corruption in Malaysia*. Penguin Random House SEA Pte. Ltd.
- Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.154 Mersing, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Jamiludin, H., & Awang Besar, J. (2021). Penerimaan pengundi Melayu terhadap kepelbagaian parti politik di kawasan DUN Pekan Nanas, Tanjong Piai, Johor. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(4), 1-14.
- Kasmani, M. F. (2024). Social media as online public sphere: A study among the first-time Malay voters. *Kajian Malaysia*, 42(2), 29–50.
- Laporan Banci dan Statistik Negeri Johor. (2022). Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Laporan Keputusan Pilihan Raya Umum. (2013). Bahagian Parlimen Negeri Johor, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Laporan Pilihan Raya Umum. (2022). Bahagian Parlimen Keputusan Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Mohd Sani., M. A. (2023). UMNO's prospects: Oblivion, survival or recovery. *Perspective*, 94.
- Rezani, M. N. F. (2025). Parlimen Ayer Hitam sebagai pengkalan politik MCA pada Pilihan Raya Umum ke-15, Johor. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 52(1), 114-134.

- Rezani, M. N. F., Abdul Rahman, Z., & Hanafi, F. (2019). Prestasi UMNO di kerusi Parlimen kawasan FELDA, Johor Pada PRU-14. In Z. Abdul Rahman, R. Fauzi, & A. S. Ghazali (Eds.), *Pilihan Raya Umum Ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Saleh, Y., Boyman, S. N., Mahat, H., Hashim, M., Nayan, N., Norkhaidi, S. B., & Suhaili, S. (2020). Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(1), 80-94.
- Washida, H. (2023). Voting behaviour after the collapse of a dominant party regime in Malaysia: ethno-religious backlash or economic grievances?. *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs and Policy Studies*, 112(3), 249-272.
- Yeoh, T. (2025). *Reviving UMNO: Party Institutionalization and Coalition Management in Selangor and Malacca*. ISEAS.